

10/02/2004

Penahanan ikut prosedur

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata penahanan bekas Pengarah Urusan Perwaja Steel Sdn Bhd, Tan Sri Eric Chia oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) adalah proses penguatkuasaan undang-undang.

Perdana Menteri berkata, pihak berkuasa sudah tentu akan mengambil tindakan mengikut undang-undang apabila berlaku kesalahan bersabit rasuah.

"Apa yang saya hendak komen... itu sebenarnya adalah penguatkuasaan undang-undang.

"Kalau didapati ada kesalahan yang telah dilakukan yang bersabit dengan rasuah, maka tentulah pihak berkuasa akan mengambil tindakan mengikut undang-undang," katanya dalam temu ramah "Cabaran Pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi" yang disiarkan TV3, malam tadi.

Perdana Menteri berkata, beliau dimaklumkan mengenai penangkapan Chia oleh pegawainya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, semua pihak perlu menyerahkan kes berkenaan kepada mahkamah untuk memutuskannya.

"Biarlah apa-apa proses (tindakan perundangan) itu ditentukan mengikut prosedur undang-undang.

"Sama ada (Chia) bersalah atau tidak, itu terpulang kepada penentuan mahkamah nanti," katanya pada majlis jamuan Rejimental Jasamu Dikenang untuk bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad di sini, malam tadi.